

# Isi Kandungan Penyata Kewangan

## *Contents Of Financial Statements*

87-91	Laporan Para Pengarah Bagi Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun 2006	163-167	Directors' Report For The Financial Year Ended 30 June 2006
92	Penyata Para Pengarah Berdasarkan Seksyen 169(15) Akta Syarikat, 1965	168	Statement By Directors Pursuant To Section 169(15) Of The Companies Act, 1965
93	Pengisytiharan Berkanun Berdasarkan Seksyen 169(16) Akta Syarikat, 1965	169	Statutory Declaration Pursuant To Section 169(16) Of The Companies Act, 1965
94	Laporan Juruaudit Kepada Para Ahli Syarikat Takaful Malaysia Berhad	170	Report Of The Auditors To The Members Of Syarikat Takaful Malaysia Berhad
95	Laporan Badan Penasihat Syariah	171	Report Of The Shariah Advisory Body
96	Kunci Kira-kira Pada 30 Jun 2006	172	Balance Sheet As At 30 June 2006
97	Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2006	173	Income Statement For The Year Ended 30 June 2006
98-99	Penyata Perubahan Ekuiti Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2006	174-175	Statement Of Changes In Equity For The Year Ended 30 June 2006
100	Kunci Kira-kira Takaful Keluarga Pada 30 Jun 2006	176	Family Takaful Balance Sheet As At 30 June 2006
101-102	Akaun Hasil Takaful Keluarga Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2006	177-178	Family Takaful Revenue Account For The Year Ended 30 June 2006
103	Kunci Kira-kira Takaful Am Pada 30 Jun 2006	179	General Takaful Balance Sheet As At 30 June 2006
104-107	Akaun Hasil Takaful Am Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2006	180-183	General Takaful Revenue Account For The Year Ended 30 June 2006
108-110	Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2006	184-186	Cash Flow Statement For The Year Ended 30 June 2006
111-162	Nota-nota Kepada Penyata Kewangan	187-237	Notes To The Financial Statements

# Laporan Para Pengarah Bagi Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun 2006

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya.



Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka dan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2006.

## Kegiatan-kegiatan Utama

Kegiatan-kegiatan utama Syarikat adalah mengendalikan perniagaan takaful keluarga dan takaful am, manakala kegiatan-kegiatan utama anak-anak syarikat adalah seperti yang dinyatakan di Nota 3 pada penyata kewangan. Tiada sebarang perubahan yang ketara di dalam kegiatan-kegiatan utama di sepanjang tahun kewangan.

## Hasil

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	33,362	28,024

## Rizab dan Peruntukan

Tiada pindahan penting kepada atau daripada rizab dan peruntukan di sepanjang tahun kewangan dalam kajian.

## Dividen

Sejak akhir tahun kewangan yang lalu, Syarikat telah membayar dividen akhir sebanyak 7.5% selepas cukai berjumlah RM8,242,722 pada 28 Disember 2005 bagi tahun berakhir 30 Jun 2005.

Dividen akhir yang disyorkan oleh Para Pengarah bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2006 adalah 8.5% selepas cukai berjumlah RM9,341,752.

## Para Pengarah Syarikat

Para Pengarah yang berkhidmat sejak dari tarikh laporan yang terakhir ialah:-

Dato' Ahmad Tajudin Abdul Rahman	(bersara pada 1.12.2005)
Dato' Tengku Hassan Tengku Omar	(bersara pada 1.12.2005)
Haji Taib Rasak	
Dato' Mohd Fadzli Yusof	
Dato' Sri Wan Abdul Wahid Wan Hassan	
Dato' Ahmad Maher Abdul Manan	
Datuk Siti Maslamah Osman	(letak jawatan pada 31.3.2006)
Haji Md Azmi Abu Bakar	(dilantik pada 15.9.2005)
Dato' Noorazman A. Aziz	(dilantik pada 1.12.2005)
Dato' Alwi Muhammad	(dilantik pada 1.12.2005)
Encik Mohamed Hassan Md. Kamil	(dilantik pada 1.9.2006)

Selaras dengan Seksyen 62, Tataurus Pertubuhan Syarikat, Dato' Mohd Fadzli Yusof dan Haji Md Azmi Abu Bakar bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan, kerana layak, menawarkan diri mereka untuk dilantik semula.

Selaras dengan Seksyen 66A, Tataurus Pertubuhan Syarikat, Dato' Noorazman A. Aziz, Dato' Alwi Muhammad and Encik Mohamed Hassan Md. Kamil bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan, kerana layak, menawarkan diri mereka untuk dilantik semula.



# Laporan Para Pengarah Bagi Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun 2006 (bersambung)

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya.

## Kepentingan Para Pengarah

Berdasarkan Daftar Pemegangan Saham Para Pengarah, Para Pengarah yang berkhidmat pada akhir tahun kewangan semasa yang mempunyai kepentingan dalam bentuk saham Syarikat dan perbadanan berkait adalah seperti berikut:

	Bilangan saham biasa			
	Pada 1.7.2005/ Tarikh Perlantikan	Dibeli	Dijual	Pada 30.6.2006
<b>Syarikat Takaful Malaysia Berhad</b>				
Dato' Mohd Fadzli Yusof	25,800	-	-	25,800
Haji Md Azmi Abu Bakar	9,600	-	-	9,600
<b>BIMB Holdings Berhad</b>				
Dato' Mohd Fadzli Yusof	21,000	-	-	21,000

	Bilangan opsiyen ke atas saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu				
	Harga opsyen	Pada 1.7.2005	Di- benarkan	Di- laksanakan	Pada 30.6.2006
<b>Syarikat Takaful Malaysia Berhad</b>					
Dato' Mohd Fadzli Yusof	1.20	200,000	-	-	200,000
Haji Md Azmi Abu Bakar	1.20	85,000	-	-	85,000

Para Pengarah lain yang memegang jawatan pada 30 Jun 2006 tidak mempunyai sebarang kepentingan di dalam saham biasa Syarikat dan perbadanan berkait di sepanjang tahun kewangan.

## Manfaat kepada Para Pengarah

Sejak akhir tahun kewangan yang lalu, tiada Pengarah Syarikat yang telah menerima atau berhak menerima sebarang manfaat (selain dari manfaat yang termasuk di dalam ganjaran diterima atau akan diterima oleh Para Pengarah seperti yang dicatatkan dalam penyata kewangan) disebabkan dari perjanjian yang telah dibuat oleh Syarikat atau syarikat berkait dengan Pengarah atau dengan firma di mana Pengarah adalah seorang ahli, atau dengan syarikat di mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

Tiada sebarang urusan yang dibuat di sepanjang dan di akhir tahun kewangan yang mempunyai matlamat membolehkan Para Pengarah mendapat manfaat melalui pengambilalihan saham atau debentur dalam Syarikat atau sebarang perbadanan yang lain selain dari Skim Opsyen Saham Kakitangan Syarikat dan syarikat induk.

## Terbitan Saham

Tiada sebarang perubahan pada modal diterbit dan berbayar Syarikat semasa tahun kewangan.

## Pemberian opsiyen saham-saham belum diterbitkan

Tiada sebarang opsiyen ditawarkan kepada sesiapa untuk mendapatkan saham-saham Syarikat yang belum diterbitkan di sepanjang tahun ini, selain daripada opsiyen-opsyen yang diterbitkan oleh Skim Opsyen Saham Kakitangan Syarikat dan syarikat induk.

Pada Mesyuarat Agung Luarbiasa yang diadakan pada 28 Jun 2003, para pemegang saham Syarikat telah



## Laporan Para Pengarah Bagi Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun 2006 (bersambung)

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya.

meluluskan pembentukan Skim Opsyen Saham Kakitangan yang tidak melebihi 10% daripada modal diterbit Syarikat kepada Para Pengarah dan kakitangan Kumpulan yang layak, kecuali syarikat-syarikat yang tidak aktif dan tidak diperbadankan di Malaysia.

Opsyen yang ditawarkan untuk pengambilan saham-saham biasa yang belum diterbit bernilai RM1.00 setiap satu dan harga opsiyen adalah seperti berikut:

Tarikh Tawaran	Harga opsiyen	Bilangan opsiyen ke atas saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu				Baki Pada 30.6.2006
		Baki Pada 1.7.2005	Di benarkan	Di laksanakan	Di batalkan	
31.10.2003	RM1.20	12,895,000	-	-	(266,000)	12,629,000

Ciri-ciri penting skim ini adalah seperti berikut:

- i) Kakitangan yang layak adalah mereka yang telah disahkan secara bertulis sebagai kakitangan Kumpulan (kecuali anak-anak syarikat yang tidak aktif dan tidak diperbadankan di Malaysia) untuk sekurang-kurangnya satu tahun sebelum tarikh tawaran.
- ii) Opsyen adalah peribadi kepada penerima opsiyen dan tidak boleh dipindahmilik.
- iii) Harga opsiyen ditentukan dari purata pertengahan penyiaran pasaran saham biasa Syarikat sebagaimana ditunjukkan di dalam senarai rasmi harian yang dikeluarkan oleh Bursa Malaysia dalam masa lima hari urusan sebelum tarikh tawaran bertulis kepada penerima opsiyen atau pada nilai tara saham biasa Syarikat, mana-mana yang lebih tinggi.
- iv) Opsyen-opsyen yang dibenarkan boleh dilaksanakan pada bila-bila masa sepanjang tempoh lima tahun dari tarikh tawaran opsiyen atau untuk jangkamasa yang lebih pendek sebagaimana terkandung di dalam tawaran setelah pemberian notis bertulis.
- v) Opsyen-opsyen yang dibenarkan boleh dilaksanakan sepenuhnya atau kurang daripada bilangan saham biasa yang ditawarkan, dengan syarat bilangannya tidak kurang daripada 1,000 saham baru dan tidak melebihi sepuluh peratus (10%) saham-saham yang dibenarkan di bawah skim ini.

### Pengawasan Korporat

#### (a) Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya bagi mengawasi sumber-sumber Syarikat dengan baik, mencapai objektif-objektif korporat dan warga korporat yang baik dan melaksanakan tanggungjawab ini dengan mematuhi Akta Takaful (Pindaan) 1984, dan Garis Panduan Bank Negara Malaysia untuk Tugas-tugas dan Tanggungjawab Para Pengarah dan Ketua Eksekutif Syarikat Insurans (JPI/GPI 1) dan Rangkakerja Penguruskawalan Korporat Syarikat Insurans (JPI/GPI 25) dan lain-lain garis panduan, di samping pengamalan penguruskawalan korporat lain yang baik.

Lembaga Pengarah terdiri daripada tujuh Pengarah bukan eksekutif dan seorang pengarah eksekutif selepas persaraan Dato' Ahmad Tajudin Abdul Rahman, Dato' Tengku Hassan Tengku Omar, perletakan jawatan Datuk Siti Maslamah Osman dan perlantikan Encik Mohamed Hassan Md Kamil bertujuan untuk memastikan isu-isu diperfimbangkan dengan seimbang dan objektif, kerana ini membantu untuk mencapai keputusan yang optimal, dan seorang pengarah eksekutif yang membantu di dalam proses membuat keputusan dengan menyediakan maklumat-maklumat pentadbiran dan operasi bagi isu-isu yang dibentangkan kepada Lembaga Pengarah.

#### (b) Kebertanggungjawaban Pengurusan

Syarikat mempunyai struktur organisasi yang menunjukkan kesemua struktur laporan dan dokumentasi penghuraian kerja-kerja yang jelas untuk pihak pengurusan dan kakitangan eksekutif.

# Laporan Para Pengarah Bagi Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun 2006 (bersambung)

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya.



Had-had kuasa yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dinyatakan dengan jelas dan disediakan kepada semua kakitangan.

## (c) Kebebasan Korporat

Semua urusan ketara dengan pihak yang berkaitan telah dinyatakan di Nota 31 kepada penyata kewangan.

## (d) Kawalan Dalaman dan Pengurusan Risiko Operasi

Para Pengarah bertanggungjawab untuk membentuk pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman yang efektif.

Syarikat melakukan proses berterusan untuk mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko-risiko ketara yang dihadapi oleh Syarikat menerusi fungsi-fungsi pengurusan yang berkaitan dan kawalan dalaman, meliputi had-had risiko operasi untuk kesemua aktiviti-aktiviti utama. Syarikat telah membentuk kawalan dalaman yang merangkumi semua lapisan kakitangan dan proses perniagaan untuk memastikan operasi Syarikat berjalan dengan efektif dan cekap di samping menjaga aset-aset Syarikat dan pihak-pihak yang mempunyai kepentingan dalam Syarikat.

Penilaian berterusan ke atas keberkesanan dan kecukupan kawalan dalaman, yang merangkumi pemeriksaan bebas kawalan oleh fungsi audit dalaman, memastikan pembetulan di mana perlu, diambil dengan segera. Laporan audit dalaman akan dibentangkan pada mesyuarat Jawatankuasa Audit yang pertama dijadualkan selepas tarikh penerimaan laporan tersebut. Fungsi audit dalaman melapor terus kepada Para Pengarah menerusi Jawatankuasa Audit, dan penemuan dan cadangan dikomunikasikan ke pihak pengurusan dan semua peringkat kakitangan yang berkenaan.

## (e) Kebertanggungjawaban Awam

Sebagai penjaga kepada Kumpulanwang awam, urusan Syarikat dengan pihak umum sentiasa dilaksanakan secara adil, jujur dan profesional.

## (f) Laporan Kewangan

Syarikat telah mematuhi kesemua keperluan yang ditetapkan dan mengamalkan amalan pengurusan yang selaras dengan prinsip-prinsip yang ditetapkan di bawah JPI/GPI 25: Rangkakerja Penguruskawalan Korporat Syarikat Insurans yang diterbitkan oleh BNM.

## Maklumat-maklumat Berkanun Lain

Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, Para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah bagi memastikan bahawa:

- i) kesemua hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan yang cukup telah dibuat untuk hutang ragu;
- ii) semua harta semasa telah dinyatakan pada nilai terendah di antara kos dan nilai boleh diperolehi; dan
- iii) terdapat peruntukan yang mencukupi bagi tuntutan dibuat, termasuk tuntutan yang berlaku tetapi belum dilaporkan ("IBNR").

Pada tarikh laporan ini, Para Pengarah tidak menyedari wujudnya keadaan-keadaan:

- i) yang mungkin menyebabkan jumlah hutang yang dihapus kira atau peruntukan hutang ragu Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi; atau
- ii) yang akan menyebabkan nilai yang diberi kepada harta-harta semasa dalam Kumpulan dan Syarikat mengelirukan; atau



## Laporan Para Pengarah Bagi Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun 2006 (sambungan)

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya.

- iii) yang akan menyebabkan dengan mematuhi kaedah menilai harta-harta dan tanggungan-tanggungan Kumpulan dan Syarikat yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai; atau
- iv) selain daripada yang telah diambil kira dalam laporan atau penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat ini, yang akan menyebabkan jumlah-jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.

Pada tarikh laporan ini, tidak ada:

- i) sebarang harta Kumpulan atau Syarikat yang telah dicagar sejak akhir tahun kewangan ini dan telah menjadi sandaran bagi tanggungan-tanggungan pihak lain; atau
- ii) sebarang tanggungan luarjangka yang berhubung dengan Kumpulan atau Syarikat sejak akhir tahun kewangan ini.

Tiada tanggungan luarjangka atau tanggungan-tanggungan lain bagi sebarang syarikat dalam Kumpulan ini yang akan berkuatkuasa, atau mungkin akan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan ini yang pada pendapat Para Pengarah, akan atau mungkin akan memberi kesan yang mendalam terhadap keupayaan Kumpulan dan Syarikat untuk menyelesaikan tanggungan apabila tiba masanya.

Pada pendapat Para Pengarah, keputusan dari operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2006 tidak dipengaruhi secara berkesan oleh sebarang perkara, urusniaga atau kejadian yang penting dan luarbiasa dan tiada sebarang perkara, urusniaga atau kejadian yang penting dan luarbiasa berlaku dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan sehingga tarikh laporan ini.

### Juruaudit

Juruaudit, Tetuan KPMG Desa Megat & Co., telah menyatakan kesanggupan mereka menerima perlantikan semula.

Ditandatangani mengikut ketetapan Para Pengarah:

.....  
**Taib Rasak**

.....  
**Md. Azmi Abu Bakar**

Kuala Lumpur,

Tarikh: 22 September 2006

# Penyata Para Pengarah berdasarkan Seksyen 169(15) Akta Syarikat, 1965

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya.



Pada pendapat Para Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 96 hingga 162 telah disediakan mengikut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawaian-piawaian perakaunan berkenaan yang telah diluluskan di Malaysia, diubahsuai untuk mematuhi Hukum-Hukum Syarak, supaya memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan Kumpulan dan Syarikat pada 30 Jun 2006 dan keputusan dari operasi serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani mengikut ketetapan Para Pengarah:

Taib Rasak

Md. Azmi Abu Bakar

Kuala Lumpur,

Tarikh: 22 September 2006





# Pengisytiharan Berkanun Berdasarkan Seksyen 169(16) Akta Syarikat, 1965

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya.

Saya, **Mohamad Asri Haji Yusoff**, pegawai yang terutama yang bertanggungjawab di atas pengurusan kewangan dan rekod perakaunan Syarikat Takaful Malaysia Berhad, dengan ikhlas berikrar bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 96 hingga 162 adalah, sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, betul dan saya membuat ikrar ini dengan penuh kepercayaan bahawa ianya benar, dan menurut peruntukan-peruntukan Akta Akaan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diikrarkan oleh Mohamad Asri Haji Yusoff di Kuala Lumpur pada 22 September 2006.



Di hadapan saya:

SUITE 16.1W, LEVEL 16,  
WISMA SIME DARBY, JALAN RAJA LAUT,  
50350 KUALA LUMPUR.

Mohamad Asri Haji Yusoff



# Laporan Juruaudit Kepada Para Ahli Syarikat Takaful Malaysia Berhad

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya.



Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 96 hingga 162. Penyediaan penyata kewangan adalah tanggungjawab Para Pengarah Syarikat.

Adalah menjadi tanggungjawab kami untuk membuat pendapat bebas kami ke atas penyata kewangan tersebut berdasarkan audit kami dan untuk melaporkan pendapat kami kepada anda, sebagai suatu badan, berdasarkan Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 dan bukan untuk tujuan-tujuan yang lain. Kami tidak menerima tanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain tentang kandungan laporan ini.

Kami telah menjalankan pengauditan mengikut Piawaian-Piawaian Pengauditan yang telah diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan pengauditan untuk mengumpul semua maklumat dan penjelasan di mana kami merasakan perlu untuk melengkapkan kami dengan bukti untuk memberi jaminan yang wajar bahawa penyata kewangan adalah bebas dari salah nyata yang penting. Audit merangkumi pemeriksaan, berasaskan ujian, bukti yang berkaitan kepada jumlah dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Audit juga termasuk penilaian terhadap prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh Para Pengarah, beserta dengan penilaian yang menyeluruh terhadap kecukupan maklumat yang dibentangkan di dalam penyata kewangan. Kami percaya pengauditan kami memberi asas yang wajar terhadap pendapat kami.

Pada pendapat kami:

- (a) penyata kewangan telah disediakan mengikut peruntukan Akta Syarikat, 1965, dan piawaian-piawaian perakaunan yang telah diluluskan di Malaysia, diubahsuai untuk mematuhi Hukum-Hukum Syarikat, untuk memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap:
  - i) kedudukan hal ehwal urusan Kumpulan dan Syarikat pada 30 Jun 2006 dan penghasilan dari operasi serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut; dan
  - ii) perkara-perkara yang dikehendaki di bawah Seksyen 169, Akta Syarikat, 1965 yang perlu diambil kira dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat; dan
- (b) rekod-rekod perakaunan dan lain-lain rekod dan termasuk daftar-daftar, yang dikehendaki oleh Akta Syarikat, 1965, supaya disimpan oleh Syarikat dan anak-anak syarikatnya di mana kami adalah juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta tersebut.

Anak-anak syarikat di mana kami tidak bertindak sebagai juruaudit dinyatakan pada Nota 3 kepada penyata kewangan dan kami telah mengambil kira penyata kewangan dan laporan juruaudit mereka.

Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan anak-anak syarikat yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar untuk menyediakan penyata kewangan disatukan dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan seperti dikehendaki untuk tujuan tersebut.

Laporan juruaudit bagi penyata kewangan anak-anak syarikat tidak tertakluk kepada sebarang syarat dan tidak mengandungi sebarang ulasan yang dikehendaki di bawah pecahan (3) Seksyen 174 Akta tersebut.

**KPMG Desa Megat & Co.**  
Nombor Firma: AF 0759  
Akauntan Bertauliah

**Abdullah Abu Samah**  
Rakan Firma  
Nombor Kelulusan: 2013/06/08(J)

Kuala Lumpur,

Tarikh: 22 September 2006



# Laporan Badan Penasihat Syariah

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya.

Kami, **Prof. Madya Dr. Ahmad Shahbari @ Sobri Salamon** dan **Mohd Bakir Haji Mansor** dua daripada ahli Badan Penasihat Syariah (BPS) Syarikat Takaful Malaysia Berhad, bagi pihak BPS mengesahkan bahawa pada pendapat kami operasi perniagaan Syarikat bagi tahun berakhir 30 Jun 2006 telah dijalankan mengikut kehendak-kehendak Syariah.

Bagi pihak Badan Penasihat Syariah:

.....  
**Prof. Madya Dr. Ahmad Shahbari @ Sobri Salamon**

.....  
**Mohd. Bakir Haji Mansor**

Kuala Lumpur  
Bertarikh : 22 September 2006



# Kunci Kira-Kira Pada 30 Jun 2006

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya.

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
<b>ASET</b>					
<b>Aset Pemegang Saham</b>					
Hartanah, loji dan peralatan	2	84,408	67,772	73,265	57,086
Pelaburan dalam anak-anak syarikat	3	-	-	27,002	27,002
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	4	-	189	757	757
Pelaburan	5	217,149	226,573	146,424	155,837
Pembiayaan	6	18,618	15,771	16,251	14,615
Aset cukai tertunda	11	9,650	13,650	9,650	13,550
Penghutang	7	44,393	21,148	24,267	18,550
Tunai dan baki di bank	8	12,030	5,041	5,731	1,116
		<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
<b>Jumlah aset Pemegang Saham</b>		386,248	350,144	303,347	288,513
<b>Jumlah aset Takaful Keluarga (m/s 100)</b>		2,284,222	1,998,830	2,224,404	1,956,955
<b>Jumlah aset Takaful Am (m/s 103)</b>		546,709	440,698	507,136	416,487
		<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
<b>JUMLAH ASET</b>		3,217,179	2,789,672	3,034,887	2,661,955
<b>TANGGUNGAN</b>					
<b>Tanggungan Pemegang Saham</b>					
Pemiutang	9	70,305	63,987	25,506	28,445
Peruntukan percukaian		-	2,359	-	2,008
		<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
<b>Jumlah tanggungan Pemegang Saham</b>		70,305	66,346	25,506	30,453
<b>Jumlah tanggungan Takaful Keluarga (m/s 100)</b>		131,459	57,837	122,184	53,818
<b>Jumlah tanggungan Takaful Am (m/s 103)</b>		258,346	209,267	224,876	185,444
		<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
<b>Kumpulanwang Takaful Keluarga</b>	13	460,110	333,450	372,566	269,715
<b>Kumpulanwang Takaful Am</b>	14	2,152,763	1,940,993	2,102,220	1,903,137
		<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
<b>JUMLAH TANGGUNGAN</b>		2,901,236	2,505,874	2,757,046	2,403,895
<b>EKUITI PEMEGANG SAHAM</b>					
Modal saham	16	152,643	152,643	152,643	152,643
Rizab		126,353	96,836	125,198	105,417
		<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
		278,996	249,479	277,841	258,060
Kepentingan pihak minoriti	12	36,947	34,319	-	-
		<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
		315,943	283,798	277,841	258,060
		<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
<b>JUMLAH TANGGUNGAN DAN EKUITI PEMEGANG SAHAM</b>		3,217,179	2,789,672	3,034,887	2,661,955

Penyata kewangan ini telah diterima dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 22 September 2006

Nota-nota yang dibentangkan di muka surat 111 hingga 162 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama dengannya.

# Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2006



Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya.

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
<b>Pendapatan operasi</b>	18	969,141	822,364	833,370	717,379
Pindahan dari akaun hasil					
Takaful Keluarga		70,999	40,892	56,358	36,861
Takaful Am		86,253	90,019	63,525	76,063
Pendapatan pelaburan	19	12,532	14,939	8,381	7,000
Pelbagai pendapatan operasi	20	5,827	8,667	3,556	5,435
Perbelanjaan pengurusan	21	(101,447)	(95,781)	(83,750)	(75,738)
Pelbagai perbelanjaan operasi	22	(29,245)	(26,113)	(12,590)	(12,157)
<b>Keuntungan operasi</b>		44,919	32,623	35,480	37,464
Perkongsian rugi selepas cukai syarikat bersekutu		(600)	-	-	-
Kos kewangan		(31)	(27)	(31)	(27)
<b>Keuntungan sebelum zakat dan cukai</b>		44,288	32,596	35,449	37,437
Zakat		(3,282)	(3,542)	(2,863)	(3,444)
Cukai	26	(4,520)	(3,442)	(4,562)	(3,464)
<b>Keuntungan selepas zakat dan cukai</b>		36,486	25,612	28,024	30,529
Tolak: Kepentingan pihak minoriti		(3,124)	2,000	-	-
<b>Keuntungan bersih tahun semasa</b>		33,362	27,612	28,024	30,529
Perolehan sesaham (sen)					
Perolehan sesaham asas (sen)	27	21.9	18.8		
Dividen sesaham biasa (sen) - (bersih)	17	6.1	5.4		

Nota-nota yang dibentangkan di muka surat 111 hingga 162 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama dengannya.

# Penyata Perubahan Ekuiti Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2006



Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya.

## Kumpulan

	Tidak boleh diagihkan			Boleh Diagihkan	Jumlah RM'000
	Modal saham RM'000	Premium saham RM'000	Rizab tukaran asing RM'000	Keuntungan tersimpan RM'000	
Pada 1 Julai 2004	143,000	815	(2,209)	76,894	218,500
Perbezaan tukaran asing dari terjemahan penyata keuangan matawang asing	-	-	(1,232)	-	(1,232)
Kerugian bersih yang tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan	-	-	(1,232)	-	(1,232)
Terbitan saham:					
- tunai	9,643	1,248	-	-	10,891
Keuntungan bersih tahun semasa	-	-	-	27,612	27,612
Dividen 2004 - akhir	-	-	-	(6,292)	(6,292)
<b>Pada 30 Jun 2005</b>	<b>152,643</b>	<b>2,063</b>	<b>(3,441)</b>	<b>98,214</b>	<b>249,479</b>
<b>Pada 1 Julai 2005</b>	<b>152,643</b>	<b>2,063</b>	<b>(3,441)</b>	<b>98,214</b>	<b>249,479</b>
Perbezaan tukaran asing dari terjemahan penyata keuangan matawang asing	-	-	4,398	-	4,398
Kerugian bersih yang tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan	-	-	4,398	-	4,398
Keuntungan bersih tahun semasa	-	-	-	33,362	33,362
Dividen 2005 - akhir	-	-	-	(8,243)	(8,243)
<b>Pada 30 Jun 2006</b>	<b>152,643</b>	<b>2,063</b>	<b>957</b>	<b>123,333</b>	<b>278,996</b>

Nota 16

Nota-nota yang dibentangkan di muka surat 111 hingga 162 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama dengannya.

# Penyata Perubahan Ekuiti Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2006 (bersambung)



Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya.

## Syarikat

Syarikat	— Tidak boleh diagihkan —		Boleh	Jumlah RM'000
	Modal saham RM'000	Premium saham RM'000	Keuntungan tersimpan RM'000	
<b>Pada 1 Julai 2004</b>	143,000	815	79,117	222,932
Terbitan saham:				
- tunai	9,643	1,248	-	10,891
Keuntungan bersih tahun semasa	-	-	30,529	30,529
Dividen - 2004 akhir	-	-	(6,292)	(6,292)
<b>Pada 30 Jun 2005</b>	152,643	2,063	103,354	258,060
<b>Pada 1 Julai 2005</b>	152,643	2,063	103,354	258,060
Terbitan saham:				
- tunai				
Keuntungan bersih tahun semasa	-	-	28,024	28,024
Dividen - 2005 akhir	-	-	(8,243)	(8,243)
<b>Pada 30 Jun 2006</b>	152,643	2,063	123,135	277,841

Nota 16

Nota-nota yang dibentangkan di muka surat 111 hingga 162 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama dengannya.

# Kunci Kira-Kira Takaful Keluarga Pada 30 Jun 2006



Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya.

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
<b>Aset</b>					
Hartanah, loji dan peralatan	2	183,494	182,457	183,426	182,385
Pelaburan dalam anak-anak syarikat	3	-	-	29,963	29,963
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	4	-	303	1,212	1,212
Aset perniagaan					
berkaitan pelaburan ("ILB")	29	25,757	22,213	25,757	22,213
Pelaburan	5	1,969,410	1,754,076	1,896,807	1,691,089
Pembiayaan	6	15,224	14,087	10,257	9,052
Penghutang	7	83,198	5,597	76,511	5,047
Tunai dan baki di bank	8	7,139	20,097	471	15,994
<b>Jumlah aset Takaful Keluarga</b>		<b>2,284,222</b>	<b>1,998,830</b>	<b>2,224,404</b>	<b>1,956,955</b>
<b>Tanggungan</b>					
Pemiutang	9	81,448	19,531	75,431	17,263
Tuntutan belum bayar	10	48,918	37,747	45,660	35,996
Tanggungan ILB	29	1,093	559	1,093	559
<b>Jumlah tanggungan Takaful Keluarga</b>		<b>131,459</b>	<b>57,837</b>	<b>122,184</b>	<b>53,818</b>
<b>Kumpulanwang Peserta-peserta</b>					
Kumpulanwang Takaful Keluarga	13	2,152,763	1,940,993	2,102,220	1,903,137
<b>Jumlah tanggungan Takaful Keluarga dan Kumpulanwang Peserta-peserta</b>		<b>2,284,222</b>	<b>1,998,830</b>	<b>2,224,404</b>	<b>1,956,955</b>

Nota-nota yang dibentangkan di muka surat 111 hingga 162 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama dengannya.



# Akaun Hasil Takaful Keluarga Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2006



Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya.

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Sumbangan kasar	18	451,806	407,562	375,074	357,145
Takaful semula		(24,909)	(15,287)	(17,314)	(12,209)
Pengurangan/(penambahan) rizab untuk sumbangan yang belum diperolehi		(16,755)	(8,139)	(15,145)	(8,056)
<b>Sumbangan bersih</b>		<b>410,142</b>	<b>384,136</b>	<b>342,615</b>	<b>336,880</b>
<b>Manfaat dibayar dan belum dibayar</b>					
Kematian/keilatan		(99,988)	(80,669)	(79,921)	(68,425)
Kematangan		(18,198)	(13,995)	(11,379)	(10,136)
Serahan		(75,257)	(83,700)	(66,967)	(74,436)
Pengeluaran sebahagian		(13,724)	(10,562)	(13,724)	(10,562)
Perubatan		(4,540)	(418)	(182)	(148)
Lain-lain		(13,498)	(10,735)	(3,193)	(4,083)
		(225,205)	(200,079)	(175,366)	(167,790)
		184,937	184,057	167,249	169,090
<b>Kumpulan wang tersimpan bagi tahun semasa</b>					
- Keluarga Individu		112,520	151,370	104,665	136,502
Keuntungan/(kerugian) pengunderaitan - Keluarga Berkelompok dan lain-lain		71,723	32,467	61,890	32,368
Keuntungan/(kerugian) pengunderaitan - Keluarga Berkelompok ILB		694	220	694	220
		184,937	184,057	167,249	169,090
<b>Keuntungan/(kerugian) pengunderaitan</b>					
		72,417	32,687	62,584	32,588
Pendapatan pelaburan	19	96,389	83,600	96,307	80,640
Pelbagai pendapatan operasi	20	180	4,123	180	4,050
Pelbagai perbelanjaan operasi	22	(32,562)	(6,712)	(32,483)	(6,712)
<b>Keuntungan bagi tahun semasa</b>		<b>136,424</b>	<b>113,698</b>	<b>126,588</b>	<b>110,566</b>

Nota-nota yang dibentangkan di muka surat 111 hingga 162 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama dengannya.



## Akaun Hasil Takaful Keluarga Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2006 (bersambung)

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya.

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Tolak: Elaun rosotnilai pelaburan	7,021	(10,505)	7,021	(10,505)
Keuntungan yang boleh diagihkan kepada Syarikat dan peserta-peserta bagi tahun semasa	143,445	103,193	133,609	100,061
Keuntungan yang boleh diagihkan kepada Pelan Pelajaran yang dipindahkan ke pemiutang	(58)	(45)	(58)	(45)
Keuntungan yang boleh diagihkan kepada Syarikat dipindahkan ke penyata pendapatan	(70,999)	(40,892)	(56,358)	(36,861)
	72,388	62,256	77,193	63,155
Keuntungan yang akan dibayar kepada peserta-peserta	(7,741)	(7,372)	(8,177)	(7,372)
Keuntungan yang boleh diagihkan kepada peserta-peserta bagi tahun semasa	64,647	54,884	69,016	55,783
Kumpulanwang Takaful Keluarga pada awal tahun	1,940,993	1,747,878	1,903,137	1,694,011
Kumpulanwang tersimpan bagi tahun semasa - Keluarga Individu	112,520	151,370	104,665	136,502
Keuntungan yang boleh diagihkan kepada peserta-peserta bagi tahun semasa	64,647	54,884	69,016	55,783
Pergerakan pada tahun semasa:				
- Rizab sumbangan yang belum diperolehi	16,755	8,139	15,145	8,056
- Elaun rosotnilai pelaburan	10,257	9,594	10,257	8,785
Baki antara dana	7,591	(30,872)	-	-
Kumpulanwang Takaful Keluarga pada akhir tahun	2,152,763	1,940,993	2,102,220	1,903,137

Nota-nota yang dibentangkan di muka surat 111 hingga 162 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama dengannya.

# Kunci Kira-Kira Takaful Am Pada 30 Jun 2006



Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya.

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
<b>Aset</b>					
Hartanah, loji dan peralatan	2	44,684	42,584	41,544	42,296
Pelaburan dalam anak-anak syarikat	3	-	-	1,970	1,970
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	4	-	126	504	504
Pelaburan	5	386,001	308,528	373,683	293,647
Pembiayaan	6	4,616	4,700	4,616	4,700
Penghutang	7	104,673	75,731	82,289	69,332
Tunai dan baki di bank	8	6,735	9,029	2,530	4,038
<b>Jumlah aset Takaful Am</b>		<u>546,709</u>	<u>440,698</u>	<u>507,136</u>	<u>416,487</u>
<b>Tanggungan</b>					
Pemiutang	9	159,765	114,030	139,699	102,821
Tuntutan belum bayar	10	98,581	95,237	85,177	82,623
<b>Jumlah tanggungan Takaful Am</b>		<u>258,346</u>	<u>209,267</u>	<u>224,876</u>	<u>185,444</u>
<b>Kumpulanwang Peserta-peserta</b>					
Kumpulanwang Takaful Am	14	288,363	231,431	282,260	231,043
<b>Jumlah Tanggungan Takaful Am dan Kumpulanwang Peserta-peserta</b>		<u>546,709</u>	<u>440,698</u>	<u>507,136</u>	<u>416,487</u>

Nota-nota yang dibentangkan di muka surat 111 hingga 162 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama dengannya.

# Akaun Hasil Takaful Am Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2006

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya.



Kumpulan	Nota	Kebakaran		Motor		Marin		Udara & Transit		Pelbagai		Jumlah	
		2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Sumbangan kasar Takaful semula	18	166,696 (61,454)	129,681 (46,171)	81,678 (3,256)	66,149 (1,906)	45,882 (21,785)	33,690 (15,805)	101,158 (45,464)	78,380 (26,482)	395,414 (131,959)	307,900 (90,364)		
Sumbangan bersih Pengurangan/(Penambahan) rizab untuk sumbangan yang belum diperolehi	15	105,242 (19,202)	83,510 (15,220)	78,422 (12,212)	64,243 3,060	24,097 678	17,885 (1,615)	55,694 (7,228)	51,898 (2,452)	263,455 (37,964)	217,536 (16,227)		
Sumbangan yang diperolehi Tuntutan bersih	28	86,040 (13,038)	68,290 (11,655)	66,210 (24,368)	67,303 (21,729)	24,775 (6,434)	16,270 (3,703)	48,466 (22,658)	49,446 (23,320)	225,491 (66,498)	201,309 (60,407)		
Lebihan pengunderitan		73,002	56,635	41,842	45,574	18,341	12,567	25,808	26,126	158,993	140,902		
Pendapatan pelaburan	19									13,000	8,363		
Pelbagai pendapatan operasi	20									982	152		
Pelbagai perbelanjaan operasi	22									(56,058)	(7,753)		
Jumlah keuntungan bagi tahun semasa										116,917	141,664		



## Akaun Hasil Takaful Am Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2006 (bersambung)

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya.

Kumpulan	Jumlah 2006 RM'000	2005 RM'000
Tolak: Elaun rosotnilai pelaburan	9,743	(6,525)
Keuntungan dari operasi	126,660	135,139
Pindahan ke penyata pendapatan	(86,253)	(90,019)
Bahagian keuntungan peserta-peserta	40,407	45,120
Keuntungan yang akan dibayar kepada peserta-peserta	(34,941)	(30,600)
Keuntungan yang boleh diagihkan kepada peserta-peserta pada tahun semasa	5,466	14,520
Keuntungan yang boleh diagihkan kepada peserta-peserta pada awal tahun	65,445	50,925
Pada 30 Jun	70,911	65,445
Rizab untuk sumbangan yang belum diperolehi	187,283	149,319
Elaun rosotnilai pelaburan	23,061	19,015
Baki antara dana	7,108	(2,348)
Kumpulanwang Takaful Am pada akhir tahun	288,363	231,431

## Akaun Hasil Takaful Am Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2006 (bersambung)

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya.



Kumpulan	Nota	Kebakaran		Motor		Marin		Udara & Transit		Pelbagai		Jumlah	
		2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Sumbangan kasar Takaful semula	18	147,253 (51,224)	115,860 (38,365)	67,522 (1,901)	52,930 (1,167)	41,709 (19,514)	31,661 (14,732)	85,390 (37,227)	64,336 (15,698)	341,874 (109,866)	264,787 (69,962)		
Sumbangan bersih Pengurangan/(Penambahan) rizab untuk sumbangan yang belum diperolehi	15	96,029	77,495	65,621	51,763	22,195	16,929	48,163	48,638	232,008	194,825		
Sumbangan diperolehi Tuntutan bersih	28	76,774 (8,941)	62,251 (7,253)	55,096 (17,688)	54,060 (16,258)	22,940 (5,776)	15,311 (3,559)	39,992 (20,528)	46,569 (20,057)	194,802 (52,933)	178,191 (47,127)		
Lebihan pengunderitan		67,833	54,998	37,408	37,802	17,164	11,752	19,464	26,512	141,869	131,064		
Pendapatan pelaburan Pelbagai pendapatan operasi	19									11,734	7,807		
Pelbagai perbelanjaan operasi	20									329	152		
	22									(56,106)	(3,249)		
Jumlah keuntungan bagi tahun semasa										97,826	135,774		



## Akaun Hasil Takaful Am Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2006 (bersambung)

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya.

Syarikat	Jumlah 2006 RM'000	2005 RM'000
Tolak: Elaun rosotnilai pelaburan	9,743	(6,525)
Keuntungan dari operasi	107,569	129,249
Pindahan ke penyyata pendapatan	(63,525)	(76,063)
Bahagian keuntungan peserta-peserta	44,044	53,186
Keuntungan dibayar kepada peserta-peserta	(34,078)	(30,600)
Keuntungan yang boleh diagihkan kepada peserta-peserta pada tahun semasa	9,966	22,586
Keuntungan yang boleh diagihkan kepada peserta-peserta pada awal tahun	68,823	46,237
Pada 30 Jun	78,789	68,823
Rizab sumbangan yang belum diperolehi	180,410	143,205
Elaun rosotnilai pelaburan	23,061	19,015
<b>Kumpulanwang Takaful Am pada akhir tahun</b>	<b>282,260</b>	<b>231,043</b>

Nota-nota yang dibentangkan di muka surat 111 hingga 162 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama dengannya.



# Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2006



Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya.

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Aliran tunai dari aktiviti operasi				
Keuntungan sebelum zakat dan cukai	44,288	32,596	35,449	37,437
Penyesuaian untuk:				
Bahagian kerugian dalam syarikat bersekutu	600	312	-	-
Susutnilai:				
- Kumpulanwang Pemegang Saham	8,997	6,914	7,053	5,381
- Kumpulanwang Takaful Keluarga	2,762	2,771	2,762	2,770
- Kumpulanwang Takaful Am	1,679	1,134	752	1,127
Pendapatan dari penghutang pembiayaan	(1,849)	(1,377)	(1,387)	(1,377)
Pendapatan dari Akaun Pelaburan dan				
Bil Penerimaan Islam	(34,636)	(34,833)	(28,016)	(34,833)
Pendapatan dividen	(68,442)	(39,394)	(51,210)	(39,394)
(Kerugian)/keuntungan dari jualan saham				
tersiarharga	(16,517)	(4,789)	(6,289)	(4,789)
Keuntungan dari tukaran matawang asing	4,398	(1,531)	-	-
(Kirapulihan)/Elaun rosotnilai bagi saham				
tersiarharga, saham tak tersiarharga				
dan saham amanah:				
- Kumpulanwang Pemegang Saham	(1,224)	(631)	(1,204)	(1,642)
- Kumpulanwang Takaful Keluarga	(14,799)	1,983	(14,769)	(2,081)
- Kumpulanwang Takaful Am	(9,743)	(494)	(9,704)	(2,092)
- Kumpulanwang Takaful Keluarga				
Berkelompok	(3,152)	(163)	(3,129)	(163)
Keuntungan dari jualan Bon Islam	(3,991)	(6,749)	(3,991)	(6,749)
Keuntungan dari jualan Sijil Pelaburan				
Kerajaan Malaysia	(11,229)	(9,414)	(11,247)	(9,414)
Elaun bagi pembiayaan diragui:				
- Kumpulanwang Pemegang Saham	-	726	-	726
- Kumpulanwang Takaful Keluarga	-	2,178	-	2,178
- Kumpulanwang Takaful Am	-	2,178	-	2,178
Kerugian operasi sebelum perubahan				
modal kerja	(102,858)	(48,583)	(84,930)	(50,737)

## Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2006 (bersambung)

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya.



	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Penambahan dalam Kumpulanwang Takaful Keluarga	203,313	298,523	193,563	261,082
(Pengurangan)/Penambahan dalam Kumpulanwang Takaful Keluarga Berkelompok	8,695	(43,904)	8,695	(43,871)
Penambahan dalam Kumpulanwang Takaful Am	58,871	37,999	51,765	46,734
Penambahan/(Pengurangan) dalam Kumpulanwang Takaful Semula Keluarga	(1,886)	387	-	-
Penambahan dalam Kumpulanwang Takaful Semula ATG	1,359	968	-	-
Pengurangan dalam Kumpulanwang Takaful Semula Am	(261)	(425)	-	-
Pengurangan dalam Kumpulanwang Takaful Lil-Istithmar	-	(782)	-	-
(Penambahan)/Pengurangan dalam pelaburan	(137,138)	(11,354)	(135,626)	15,365
Pembelian Sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia	(151,343)	(136,521)	(151,343)	(136,521)
Pendapatan dari Akaun Pelaburan dan Bil Penerimaan Islam	34,636	34,833	28,016	34,833
Pendapatan dividen	68,442	39,394	51,210	39,488
Bayaran diterima dari hutang pembiayaan	9,974	13,445	9,924	5,962
Penambahan pemiutang (termasuk tuntutan belum bayar)	127,247	30,602	104,474	19,524
Penambahan penghutang	(90,589)	(57,563)	(54,161)	(42,852)
<b>Tunai diperolehi/(digunakan) dari operasi</b>	<b>28,462</b>	<b>157,019</b>	<b>21,587</b>	<b>149,007</b>
Bayaran zakat	(2,838)	(2,101)	(2,588)	(2,313)
Bayaran cukai	(3,907)	(3,991)	(3,657)	(3,226)
<b>Tunai bersih diperolehi/(digunakan) dari aktiviti operasi</b>	<b>21,717</b>	<b>150,927</b>	<b>15,342</b>	<b>143,468</b>
<b>Aliran tunai dari aktiviti pelaburan</b>				
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(29,257)	(143,080)	(27,035)	(142,182)
Pembelian saham tambahan dalam anak-anak syarikat	-	-	-	(6,954)
Perolehan dari penjualan saham dalam Anak-anak syarikat	-	-	-	11,996
<b>Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan</b>	<b>(29,257)</b>	<b>(143,080)</b>	<b>(27,035)</b>	<b>(137,140)</b>

## Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2006 (bersambung)

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya.



	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
<b>Aliran tunai dari aktiviti kewangan</b>				
Perolehan dari terbitan saham	-	9,643	-	9,643
Bayaran dividen kepada pemegang saham syarikat	(8,243)	(6,292)	(8,243)	(6,292)
<b>Aliran tunai diperolehi dari aktiviti kewangan</b>	(8,243)	3,351	(8,243)	3,351
<b>Pengurangan bersih dalam tunai dan setara tunai</b>	(15,783)	11,198	(19,936)	9,679
<b>Tunai dan setara tunai pada awal tahun</b>	42,339	31,141	29,320	19,641
<b>Tunai dan setara tunai pada akhir tahun</b>	26,556	42,339	9,384	29,320
<b>Tunai dan setara tunai terdiri daripada:</b>				
Tunai dan baki di bank				
- Kumpulanwang Pemegang Saham (m/s 96)	12,030	5,041	5,731	1,116
- Kumpulanwang Takaful Keluarga (m/s 100)	7,139	20,097	471	15,994
- ILB (Nota 29)	652	8,172	652	8,172
- Kumpulanwang Takaful Am (m/s 103)	6,735	9,029	2,530	4,038
	26,556	42,339	9,384	29,320

Nota-nota yang dibentangkan di muka surat 111 hingga 162 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama dengannya.



# Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya.

## 1. Dasar-dasar perakaunan penting

Dasar-dasar perakaunan berikut diamalkan oleh Kumpulan dan Syarikat kecuali dinyatakan sebaliknya dan sejajar dengan dasar-dasar yang diamalkan dalam tahun-tahun yang lalu.

### (a) Asas Perakaunan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah melainkan dari yang dinyatakan di dalam nota penyata kewangan dan mematuhi peruntukan Akta Syarikat, 1965, Akta Takaful, 1984 (pindaan), Garis Panduan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia dan piawaian-piawaian perakaunan yang berkenaan yang telah diluluskan di Malaysia, diubahsuai untuk mematuhi Hukum-Hukum Syarak.

Asas perakaunan digunakan oleh Kumpulan dan Syarikat selaras dengan penggunaan seperti tahun sebelumnya kecuali seperti di bawah:

- a) Sebelum 2 Februari 2006, Kumpulan iktiraf hasil berdasarkan tunai.
- b) Pada 2 Februari 2006, Syarikat telah mula mengguna sistem operasi baru yang telah dibangunkan untuk mengiktirafkan hasil berdasarkan akruan dan pada masa yang sama boleh menghasilkan laporan tunai untuk mematuhi Syarat Syariah bagi pengiraan mudharabah. Oleh yang demikian, efektif dari 2 Februari 2006, Syarikat telah mengiktiraf hasil berdasarkan akruan selaras dengan JPIT/GPT 6 – Peraturan Penyata Kewangan untuk Takaful Operator oleh Bank Negara Malaysia. Pertukaran dasar dari pengiktirafan secara tunai ke akruan dilaksanakan dari tarikh 2 Februari 2006 ke hadapan, dan tidak melibatkan penyataan semula penyata kewangan pada tahun-tahun lepas disebabkan oleh kekurangan yang terdapat dalam sistem lama iaitu FTS dan GTS yang telah dibangunkan berdasarkan asas tunai dan tidak dapat mengeluarkan angka perbandingan berdasarkan asas akruan. Oleh itu, angka perbandingan tidak dapat dinyatakan.
- c) Penukaran dasar asas perakaunan iaitu daripada mengiktiraf hasil daripada tunai kepada asas akruan, dan penggunaan cara ke hadapan, telah menyebabkan penyatuan keuntungan sebelum cukai untuk 12 bulan terkumpul berakhir pada 30 Jun 2006 adalah seperti berikut:

	RM'000
Keuntungan sebelum cukai sebelum penukaran	48,625
Kesan daripada penukaran	(4,337)
Keuntungan sebelum cukai selepas penukaran	<u>44,288</u>
	=====

### (b) Asas Penyatuan

Anak-anak syarikat adalah perusahaan-perusahaan di bawah kawalan Syarikat. Kawalan wujud apabila Syarikat mempunyai kuasa, secara langsung atau tidak langsung, untuk menentukan polisi-polisi kewangan dan operasi sesebuah perusahaan dengan tujuan untuk mendapat faedah daripada aktiviti perusahaan tersebut. Penyata kewangan anak-anak syarikat diambilkira ke dalam penyata kewangan yang disatukan bermula dari tarikh berkuatkuasa kawalan sehingga ke tarikh kuatkuasa kawalan berakhir. Anak-anak syarikat disatukan dengan menggunakan kaedah perakaunan pemerolehan.

Sesebuah anak syarikat tidak diambilkira dalam penyatuan apabila cadangan kawalan hanya untuk sementara dan jika anak syarikat itu diambilalih dan dipegang secara eksklusif dengan tujuan untuk dijual pada masa hadapan yang terdekat dan ianya tidak pernah disatukan sebelum ini atau ia beroperasi di bawah halangan jangka panjang yang menjejaskan dengan ketara keupayaannya untuk memindahkan Kumpulanwang kepada Syarikat. Anak-anak syarikat yang dikecualikan berdasarkan alasan ini dikira sebagai pelaburan.



## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan (bersambung)

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya.

Mengikut kaedah perakaunan pemerolehan, kedudukan kewangan anak syarikat yang diambilalih atau dijual bagi sepanjang tahun perakaunan diambilkira dari tarikh pengambilalihan atau hingga ke tarikh penjualan. Pada tarikh pengambilalihan, nilai saksama ke atas harta bersih anak syarikat ditentukan dan nilai ini diambilkira ke dalam penyata kewangan Kumpulan. Perbezaan di antara kos pengambilalihan dan nilai saksama harta bersih anak syarikat dikira sebagai muhibah atau rizab semasa penyatuan, bergantung kepada keadaan.

Semua urusan dan baki di antara syarikat-syarikat di dalam Kumpulan dan sebarang keuntungan belum realisasi yang terbit dari urusan tersebut dihapuskan dalam penyatuan. Kerugian belum direalisasikan yang terbit dari urusan antara syarikat-syarikat di dalam Kumpulan juga dihapuskan kecuali kos yang tidak dapat diperolehi semula.

### (c) Syarikat Bersekutu

Syarikat bersekutu adalah perusahaan-perusahaan yang mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting, tetapi bukan kawalan, ke atas dasar-dasar kewangan dan operasi perusahaan-perusahaan berkenaan.

Penyata kewangan yang disatukan mengambilkira jumlah keuntungan dan kerugian yang diiktiraf oleh syarikat bersekutu dengan menggunakan kaedah ekuiti bermula dari tarikh wujudnya pengaruh penting secara efektif sehingga tarikh pengaruh penting tersebut berakhir secara efektif.

Keuntungan yang belum direalisasikan yang wujud daripada urusan di antara Kumpulan dan syarikat-syarikat bersekutu yang dimasukkan dalam nilai pembawaan aset dan tanggungan berkaitan dihapuskan sebahagiannya mengikut kadar kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu tersebut. Kerugian yang belum direalisasikan daripada urusan sedemikian juga dihapuskan sebahagiannya kecuali apabila kos tidak boleh diperolehi semula.

Muhibah dari pengambilalihan dikira berdasarkan nilai saksama aset bersih yang diperolehi.

### (d) Hartanah, loji dan peralatan

Tanah milikbebas dan bangunan dalam pembinaan dinyatakan pada kos. Hartanah, loji dan peralatan yang lain dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul.

#### **Susutnilai**

Tanah milikbebas, pengubahsuaian dan bangunan dalam pembinaan tidak disusutnilaikan. Tanah milikpajak dilunaskan pada kadar yang sama sepanjang tempoh pajakan di antara enam puluh hingga sembilan puluh sembilan tahun manakala bangunan disusutnilaikan dengan kaedah garis lurus pada kadar terendah antara 50 tahun atau tempoh pajakan.

Kaedah garis lurus digunakan untuk menghapuskan kos aset yang lain di dalam tempoh usia guna pada asas kadar tahunan berikut:

Bangunan milikbebas	2%
Perabot, kelengkapan dan perkakas	16.7% - 20%
Kenderaan	20%
Komputer dan peralatan	16.7% - 33.3%

### (e) Pelaburan

Pelaburan jangka panjang dalam anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu dan syarikat usahasama dinyatakan pada kos di dalam Syarikat dan ditolak sebarang elauan rosotnilai



## Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan (bersambung)

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya.

apabila tanda-tanda perosotan timbul. Polisi perakaunan untuk rosotnilai dinyatakan pada Nota (f).

Sijil-sijil Islam Kerajaan (Sijil-sijil Pelaburan Kerajaan dan lain-lain instrumen Islam yang dikeluarkan oleh Kerajaan atau BNM) dan lain-lain pelaburan yang dinyatakan oleh Bank Negara Malaysia dinyatakan pada kos disesuaikan bagi pelunasan premium dan diskaun terkumpul diiktiraf di dalam penyata pendapatan/akaun hasil.

Pelaburan dalam saham tak tersiarharga semasa dinyatakan pada nilai terendah antara kos dan nilai realisasi bersih manakala pelaburan dalam saham yang tersiarharga semasa dinyatakan pada nilai terendah antara kos dan nilai pasaran pada dasar portfolio pelaburan.

